


TIDAK ADA SESIAPA JUA DI MUKA BUMI INI MAHU DIRI DIHINGGAPI PENYAKIT LEBIH-LEBIH LAGI WANITA HAMIL. HAL INI KERANA JANGKITAN PENYAKIT BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN KESIHATAN IBU MENGANDUNG, TETAPI BAYI DALAM KANDUNGAN JUGA TURUT MENERIMA KESAN BURUKNYA.

SELAMATKAH MAKAN UBAT INI?



ASMA

Semua jenis ubat untuk merawat asma adalah selamat dan dijamin tidak menjejaskan proses kehamilan. Penggunaan inhaler adalah paling selamat.

UBAT YANG SELAMAT DIMAKAN...

BATUK

Sirap batuk daripada jenis benedril.

ANTIBIOTIK

Terdapat tiga jenis kumpulan antibiotik yang dipercayai selamat. Antaranya, kumpulan penisilin, cephalosporin dan erythromycin.

Maka sebab itu, perawatan dan mencegah penyakit penting untuk dititikberatkan. Namun, bukan semua jenis ubat-ubatan yang berada di pasaran boleh diambil secara sembarangan. Jika tersilap langkah, pengambilannya boleh memudaratkan ibu dan bayi dalam kandungan.

Justeru, semua wanita hamil perlu sentiasa peka dan mengambil tahu kategori ubat-ubatan yang selamat dimakan. Begitu juga sebaliknya Sebagai panduan, berikut disenaraikan kategorinya:

A – Ubat yang dikelaskan dalam kategori ini adalah selamat untuk diambil sewaktu hamil. Antaranya ialah vitamin biasa dan multivitamin.

B – Senarai ubat dalam kategori ini pula telah diuji ke atas haiwan dan disahkan selamat. Namun, ubat jenis ini masih perlu diambil dengan hati-hati. Contoh ubat jenis B ialah antibiotik dan paracetamol.

C – Hasil ujian klinikal ubat dalam kategori ini meninggalkan kesan sampingan ke atas haiwan, namun secara teknikalnya ia masih belum pernah ujian ke atas wanita hamil. Bagaimanapun, ubat ini masih boleh digunakan oleh wanita hamil dengan syarat mereka telah diberitahu tentang risiko penggunaannya. Ubat-ubat dalam kategori ini termasuklah antidepres dan sesetengah jenis antibiotik.

D – Ubat kategori ini didapati boleh membawa mudarat kepada janin. Contohnya, ubat yang digunakan dalam rawatan kanser dan kimoterapi.

E (X) – Selain daripada dicatat sebagai ubat kategori E, kadang-kala ia juga ada dikenali sebagai ubat dalam kategori X. Ubat jenis ini disahkan berisiko tinggi dan menjejaskan janin. Sebagai contoh, thalidomide. Antara lain, ubat jerawat (accutane) sepatutnya tidak diambil sepanjang tempoh kehamilan kerana risiko kelahiran bayi cacat anggota badan.

AWAS, JANGAN AMBIL UBAT INI

KULIT

A. Accutane/ Isotretinoin

Sekiranya pernah mengambil ubat untuk merawat jerawat, anda akan dinasihatkan doktor untuk tidak hamil dalam tempoh tertentu. Ini kerana risiko kelahiran cacat adalah tinggi iaitu 1:4.

B. Tegison/ Etretinate

Bagi pesakit poriasis (sejenis penyakit kulit yang menyebabkannya keras dan gatal), ubat yang diberi adalah lebih bahaya. Kesan ubat ini akan berada dalam badan untuk tempoh yang panjang walaupun pesakit telah menghentikan penggunaannya. Dalam pada itu, ubat ini biasanya tidak akan diberi kepada wanita yang bercadang untuk hamil.

THALIDOMIDE

Ubat yang digunakan untuk mengatasi *morning sickness* ini turut dikenali sebagai *world medical disaster*.

Ini kerana selepas diperkenalkan pada tahun 1958, ubat ini didapati menyebabkan keguguran ataupun bayi lahir tanpa anggota badan.

ASPIRIN

Ubat jenis ini tidak digalakkan untuk diambil kerana risiko berlaku pendarahan.

PONSTAN

Selain ponstan, ubat ini turut dikenali sebagai *asid mefenamic*. Secara jelasnya, ia tidak boleh diambil oleh ibu hamil kerana dipercayai boleh memberi kesan kepada jantung janin.